

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 9 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                    | <b>Akhbar</b>      |
|------------|-----------------------------------------------------------------|--------------------|
| 1.         | Pembiayaan RM557.4j projek penyelidikan                         | Utusan Malaysia    |
| 2.         | MOSTI luluskan RM557.4 juta untuk dana PP&P di bawah RMK10-Ewon | Bernama.com        |
| 3.         | MOSTI luluskan RM557.4 juta untuk dana PP&P di bawah RMK10      | Berita RTM         |
| 4.         | MOSTI luluskan RM557.4 juta untuk dana PP&P di bawah RMK10      | Borneo Post Online |
| 5.         | MOSTI approves RM557.4m for R&D, commercialisation              | New Straits Times  |
| 6.         | MOSTI approves RM557.4m for R&D, commercialisation              | Business Times     |
| 7.         | Ciptaan saintis islam                                           | Harian Metro       |
| 8.         | Jabatan Meteorologi nafi keluar amaran Tsunami di Sabah         | Bernama.com        |
| 9.         | Flood prediction tools sought                                   | The Star           |
| 10.        | Kastam rampas 5,208 botol arak                                  | Sinar Harian       |

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH : 09 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

## Pembiayaan RM557.4j projek penyelidikan

PUTRAJAYA 8 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah meluluskan sejumlah 1,279 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&DC) dengan dana bernilai RM557.40 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin (**gambar**) berkata, pihaknya menawarkan tujuh jenis dana seperti Sciencefund, Pra-Pengkomersilan, Technology Acquisition dan sebagainya menerusi peruntukan berjumlah RM660 juta.

"Selaras agenda transformasi berpaksikan inovasi dan kreativiti, pembiayaan dana itu penting apabila sebanyak RM2.6 bilion dijana dan 311 projek telah dikomersialkan.

"Sebanyak 14,354 peluang pekerjaan telah disediakan hasil peruntukkan geran RM2.9 juta menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Majlis

Penyerahan Pembiayaan Projek Sciencefund dan Pra-Pengkomersilan di sini hari ini.

Sebanyak 3,864 daripada 4,566 projek berjaya disiapkan ketika RMK-9 telah melonjakkan nama negara apabila 1,238 anugerah di peringkat dalam dan luar negara dicapai sepanjang tempoh tersebut.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Rosli Mohamed.

Dalam majlis itu, Ewon menyampaikan dana berjumlah RM7.55 juta kepada enam penerima masing-masing terdiri daripada seorang peserta projek Sciencefund, Innofund (dua) manakala Technofund (tiga).

Dana berkenaan diberikan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME), institusi penyelidikan dan pusat pengajian tinggi untuk menjalankan pelbagai projek meliputi sektor bioteknologi, industri, sains dan sebagainya.





## Mosti Luluskan RM557.4 Juta Untuk Dana PP&P Di Bawah RMK10 - Ewon

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) telah meluluskan 1,279 projek dengan pembiayaan RM557.40 juta di bawah dana Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (PP&P) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) setakat ini.

[Menteri berkenaan Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata di bawah RMK10 (2011-2015), Mosti menawarkan tujuh dana untuk keperluan rantaian PP&P dengan peruntukan RM660 juta.

Antara dana itu ialah Dana Sains, Dana PraPengkomersialan, Dana Pembangunan dan Penyelidikan Pengkomersialan dan Dana Pemerolehan Teknologi.

"Sehingga 31 Dis 2013, sebanyak 1,279 projek diluluskan dan sebanyak 119 penerbitan nasional dan antarabangsa telah dihasilkan yang majoriti daripadanya projek Dana Sains serta 99 harta intelek dalam bentuk paten, cap dagangan, hak cipta dan reka bentuk industri," katanya pada majlis penyerahan pembiayaan Dana Sains dan PraPengkomersialan di sini Rabu.

Pada majlis itu, Ewon menyampaikan pembiayaan dana berjumlah RM7.55 juta kepada satu penerima Dana Sains dan lima penerima dana PraPengkomersialan (InnoFund dan TechnoFund).

Penerima Dana Sains ialah Universiti Malaysia (mencipta alat mudah alih pintar untuk mengesan Malwares), penerima InnoFund - Syarikat Asap Koyan Development Community (AKDC) Belaga Sarawak (menghasilkan teknologi sistem ekstraksi minyak gaharu secara berinovasi) dan Syarikat DRN Technologies Sdn Bhd (pembangunan semula bahan sisa industri, abu sisa bahan api kelapa sawit dan sisa rawatan air untuk menjadi bahan boleh digunakan dalam industri pembinaan).

Selain itu, penerima TechnoFund ialah Sentinext Therapeutics Sdn Bhd (menghasilkan vaksin penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) Coxsackievirus A16 (CA16)), FAS Integration (Malaysia) Sdn Bhd (membangunkan mesin untuk mempertingkatkan kualiti wafer/chip) dan Addat Technology Sdn Bhd (projek mengawal jangkitan dan tahap kebersihan di hospital menerusi penggunaan alat pensterilan mudah alih).

Ewon berkata Mosti telah merangka satu kaedah komprehensif untuk mengenal pasti permasalahan yang menjejaskan pengkomersialan teknologi dan seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik dalam memasarkan teknologi.

"Saya harap komitmen Mosti dapat dikekalkan untuk memastikan sasaran pengkomersialan 60 produk R&D dapat direalisasikan pada tahun ini.

"Ini sejajar dengan Tahun Pengkomersialan Produk P&P Mosti yang akan di lancar pada 23 Jan," katanya.

Di bawah RMK9, Mosti menyediakan 16 jenis dana berbentuk geran dengan memperuntuk RM2.9 bilion untuk membiayai 4,566 projek PP&P yang menjana RM2.6 bilion nilai jualan. Daripada itu, 311 projek telah dikomersialkan dan mewujudkan 14,354 peluang pekerjaan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
BERITA RTM  
TARIKH : 09 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

09 Januari 2014



## BERITA RTM

### **MOSTI Luluskan RM557.4 Juta Untuk Dana PP&P Di Bawah RMK10**

Created On Rabu, 08 Januari 2014 22:48 Published Date Category: **Utama** Hits: 8



Putrajaya - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** telah meluluskan 1,279 projek dengan pembiayaan RM557.40 juta di bawah dana Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (PP&P) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) setakat ini.

Menteri berkenaan **Datuk Dr Ewon Ebin** berkata di bawah RMK10 (2011-2015), MOSTI menawarkan tujuh dana untuk keperluan rantaian PP&P dengan peruntukan RM660 juta.

Antara dana itu ialah Dana Sains, Dana PraPengkomersialan, Dana Pembangunan dan Penyelidikan Pengkomersialan dan Dana Pemerolehan Teknologi.

"Sehingga 31 Dis 2013, sebanyak 1,279 projek diluluskan dan sebanyak 119 penerbitan nasional dan antarabangsa telah dihasilkan yang majoriti daripadanya projek Dana Sains serta 99 harta intelek dalam bentuk paten, cap dagangan, hak cipta dan reka bentuk industri," katanya pada majlis penyerahan pembiayaan Dana Sains dan PraPengkomersialan.

Pada majlis itu, Ewon menyampaikan pembiayaan dana berjumlah RM7.55 juta kepada satu penerima Dana Sains dan lima penerima dana PraPengkomersialan (InnoFund dan TechnoFund).

Datuk Dr Ewon berkata MOSTI telah merangka satu kaedah komprehensif untuk mengenal pasti permasalahan yang menjejaskan pengkomersialan teknologi dan seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik dalam memasarkan teknologi.

[Home](#) - [Utusan Borneo](#) - [Berita Semenanjung](#)

## MOSTI luluskan RM557.4 juta untuk dana PP&P di bawah RMK10

Posted on [January 9, 2014, Thursday](#)

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan 1,279 projek dengan pembiayaan RM557.40 juta di bawah dana Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (PP&P) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) setakat ini.

Menteri berkenaan Datuk Dr Ewon Ebin berkata di bawah RMK10 (2011-2015), MOSTI menawarkan tujuh dana untuk keperluan rantaian PP&P dengan peruntukan RM660 juta.

Antara dana itu ialah Dana Sains, Dana PraPengkomersialan, Dana Pembangunan dan Penyelidikan Pengkomersialan dan Dana Pemerolehan Teknologi.

"Sehingga 31 Dis 2013, sebanyak 1,279 projek diluluskan dan sebanyak 119 penerbitan nasional dan antarabangsa telah dihasilkan yang majoriti daripadanya projek Dana Sains serta 99 harta intelek dalam bentuk paten, cap dagangan, hak cipta dan reka bentuk industri," katanya pada majlis penyerahan pembiayaan Dana Sains dan PraPengkomersialan di sini semalam.

Pada majlis itu, Ewon menyampaikan pembiayaan dana berjumlah RM7.55 juta kepada satu penerima Dana Sains dan lima penerima dana PraPengkomersialan (InnoFund dan TechnoFund).

Penerima Dana Sains ialah Universiti [Malaysia](#) (mencipta alat mudah alih pintar untuk mengesan Malwares), penerima InnoFund – Syarikat Asap Koyan [Development Community](#) (AKDC) Belaga Sarawak (menghasilkan teknologi sistem ekstraksi minyak gaharu secara berinovasi) dan Syarikat DRN Technologies Sdn Bhd (pembangunan semula bahan sisa industri, abu sisa bahan api kelapa sawit dan sisa rawatan air untuk menjadi bahan boleh digunakan dalam industri pembinaan).

Selain itu, penerima TechnoFund ialah Sentinext Therapeutics Sdn Bhd (menghasilkan vaksin penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) Coxsackievirus A16 (CA16)), FAS [Integration](#) (Malaysia) Sdn Bhd (membangunkan mesin untuk mempertingkatkan kualiti wafer/chip) dan Addat Technology Sdn Bhd (projek mengawal jangkitan dan tahap kebersihan di hospital menerusi penggunaan alat pensterilan mudah alih).

Ewon berkata MOSTI telah merangka satu kaedah komprehensif untuk mengenal pasti permasalahan yang menjejaskan pengkomersialan teknologi dan seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik dalam memasarkan teknologi.

"Saya harap komitmen MOSTI dapat dikekalkan untuk memastikan sasaran pengkomersialan 60 produk R&D dapat direalisasikan pada tahun ini.

"Ini sejajar dengan Tahun Pengkomersialan Produk P&P MOSTI yang akan di lancar pada 23 Jan," katanya.

Di bawah RMK9, MOSTI menyediakan 16 jenis dana berbentuk geran dengan memperuntuk RM2.9 bilion untuk membiayai 4,566 projek PP&P yang menjana RM2.6 bilion nilai jualan. Daripada itu, 311 projek telah dikomersialkan dan mewujudkan 14,354 peluang pekerjaan. — Bernama

## Mosti approves RM557.4m for R&D, commercialisation

**PUTRAJAYA:** The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) has approved financing for 1,279 projects worth RM557.4 million under its research, development and commercialisation (R,D&C) initiative.

Its Minister Datuk Dr Ewon Ebin said under the 10th Malaysia Plan (2011-2015), Mosti is offering seven types of funding for R, D&C with a total allocation of RM660.

Among others they included a science fund, pre-commercialisation fund and technology acquisition fund.

"As at the end of 2013, there were also 119 national and international publications produced and 99 intellectual property registered with the allocation," he said at a presentation

of Science and Pre-Commercialisation funding, here, yesterday.

Also present were his deputy Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah and Mosti secretary-general Datuk Dr Rosli Mohamed.

Ewon presented financing valued at RM7.55 million to one Science Fund recipient and five Pre-Commercialisation fund recipients.

The Science Fund recipient was Universiti Malaya (to create smart mobile devices to detect malwares), while the recipients for pre-commercialisation funding included Syarikat Asap Koyan Development Community (AKDC), Belaga, Sarawak (gaharu oil extraction technology) and Syarikat DRN Technologies Sdn Bhd (to convert palm oil fuel ash into construction material). **Bernama**

# BUSINESS TIMES

## Mosti approves RM557.4m fund for R&D and commercialisation

Share

Published: 2014/01/09

**PUTRAJAYA:** The [Science, Technology and Innovation Ministry \(Mosti\)](#) has approved financing for 1,279 projects worth RM557.4 million under its Research, Development and Commercialisation (R,D&C) initiative.

Its Minister, Datuk Dr Ewon Ebin said under the 10th Malaysia Plan (2011-2015), Mosti is offering seven types of [funding](#) for R, D&C with a total allocation of RM660.

Among others they included a science fund, pre-[commercialisation](#) fund and technology acquisition fund.

"As at the end of 2013, there were also 119 national and international publications produced and 99 [intellectual property](#) registered with the allocation,"he said at a presentation of Science and Pre-Commercialisation funding here yesterday.

Also present were his deputy Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah and Mosti secretary-general Datuk Dr Rosli Mohamed. At the ceremony, Ewon presented [financing](#) valued at RM7.55 million to one Science Fund recipient and five Pre-Commercialisation fund recipients.

The Science Fund recipient was Universiti Malaya (to create smart [mobile devices](#) to detect malwares), while the recipients for pre-commercialisation funding included Syarikat Asap Koyan Development Community (AKDC), Belaga, Sarawak (gaharu oil extraction technology) and Syarikat DRN Technologies Sdn Bhd (to convert palm oil fuel ash into [construction material](#)). Bernama

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SANTAI) : MUKA SURAT V7  
TARIKH : 09 JANUARI 2014 (KHAMIS)



# Ciptaan saintis Islam

Pusat Sains Negara pameran peralatan rekaan cendekiawan Muslim



Oleh Suliati Asri  
suliati@metro.com.my

Tayangan filem pendek mengenai perjalanan kanak-kanak sekolah meneroka era sejarah yang disalah anggap sebagai Zaman Kegelapan dilakoni pemenang anugerah Oscar, Sir Ben Kingsley sememangnya cukup mengujakan.

Filem pendek yang bertujuan memberikan lebih kefahaman dan penghargaan apabila mula meneroka pameran utama ini turut membuatkan pengunjung teruja dan tidak sabar untuk melihat sendiri kecanggihan ciptaan Tamadun Muslim yang cukup membanggakan itu.

1001 Inventions memaparkan pelbagai pameran, permainan berteknologi tinggi, paparan interaktif dan penceritaan yang menghidupkan kembali peranan bersejarah tokoh dari era Tamadun Muslim, sekali gus bertindak sebagai satu inspirasi kepada golongan muda moden Malaysia untuk meneruskan kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.

Dari abad ketujuh ke atas, lelaki dan wanita daripada pelbagai agama dan latar belakang etnik bekerja bersama, daripada pengetahuan tamadun purba, untuk membina kemajuan yang menakjubkan dalam bidang perubatan, kejuruteraan, astronomi, pertanian, geologi, matematik, muzik dan seni bina.

Pengarah Operasi Science Discoveries Sdn Bhd, David Oh Seong Keat berkata, Malaysia adalah negara pertama di rantau Asia Pasifik yang mengadakan pameran diiktiraf sebagai 'The World's Best Touring Exhibition' menerusi Anugerah Kece-merlangan Warisan dan Muzium 2011 yang mendapat sambutan menggalakkan di London, New York, Doha, Istanbul dan beberapa bandar besar lain.

Bagi menarik perhatian pengunjung terutama golongan muda, pameran menyediakan 60 bahan berbentuk interaktif, vi-



RUANG permainan bermaklumat dan menyeronokkan.



SELAIN melalui pembacaan, maklumat disampaikan dengan rakaman suara.

deo, panel maklumat dan replika artifak di lima zon utama iaitu alam semesta, hospital, kejuruteraan, sekolah dan dunia.

"Meskipun saiz pameran tidak terlalu besar, dekorasi tersusun lengkap dengan replika, video dan maklumat beraja membuatkan pengunjung 'berhenti' untuk menyaksikannya lebih dekat," katanya.

Pameran bertaraf antarabangsa mengumpulkan lebih 60 replika peralatan ciptaan sains Islam ini terbahagi kepada lima zon interaktif yang dihasilkan semula daripada beberapa ciptaan zaman kegemilangan Islam termasuk bidang perubatan, kejuruteraan, astronomi, geologi, matematik dan seni bina.

Memulakan penerokaan di ruang pameran, pengunjung pastinya terpaksa melihat peralatan pembedahan yang dihasilkan pakar bedah Muslim, al-Zahrawi antaranya pisau bedah, pengikis, gerudi, gergaji dan forsep pada abad ke-10.

Al-Zahrawi yang juga dikenali masyarakat Barat sebagai Albucasis berjaya memperkenalkan lebih 200 alat pembedahan bagi merawat penyakit tulang, ketumbuhan, batu karang, luka serta proses kelahiran.

Lebih menarik, al-Zahrawi adalah individu pertama menggunakan tali tangsi secara sistematis dalam pembedahan yang kini menjadi amalan pakar bedah dunia untuk

menjahit hirisan dalaman tubuh.

Beralih ke bidang astronomi, Merriam al-Jilji adalah Muslimah hebat yang berjaya mencipta sejarah apabila menghasilkan alat kaji bintang di Aleppo, Syria.

Di zon kejuruteraan, pendedahan menarik mengenai penghasilan jam, kamera dan penyaman udara sememangnya cukup mengujakan.

Mana tidaknya, penyaman udara yang menjadi salah satu alat moden itu sebenarnya sudah lama tercipta.

Al-Jazari terkenal dengan jam gajah yang direka hasil gabungan elemen tradisi dunia termasuk India (digambarkan melalui gajah), China (naga), Mesir (burung merak) dan Arab (patung berpakaian) yang diterjemahkan ke dalam bentuk teks iaitu 'Book of Knowledge of Ingenious Mechanical Devices' pada 1206.

Jam gajah ini antara bahan pameran yang menjadi tumpuan pengunjung kerana ciptaannya yang cukup unik.

Selain itu, cendekiawan Muslim ini bertanggungjawab membina peranti berkuasa air serta sistem engkol dan rod penyambung yang menjadi elemen penting kepada pam dan enjin.

Dunia pendidikan merangkumi sains dan matematik turut diterokai cendekiawan lain, misalnya kimia oleh Jabir ibn Hayyan, al-Razi dan al-

Kindi pada abad ke-9, trigonometri (al-Khwarizmi, al-Battani dan al-Biruni, abad ke-9 hingga 11) dan algebra (al-Khwarizmi dan al-Karaji, abad ke-9).

Sumbangan besar dalam bidang pendidikan turut dilakukan Fatima al-Fihri apabila membelanjakan kekayaan bapanya untuk membina masjid dan kompleks perguruan, al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi, sekali gus menjadi universiti tertua dunia pada 859.

Selain bahan pameran, slot permainan juga ditambah pada pameran ini untuk memberikan keseronokan kepada pengunjung terutama pelajar sekolah meneroka dan memperoleh ilmu tambahan.

Pengunjung, Medya Putri, 43, berkata, secara keseluruhannya, pameran itu cukup mengujakan walaupun ia membabitkan sejarah.

"Daripada tayangan video hingga kepada bahan pameran yang ada, ia benar-benar memberi ilmu yang cukup berguna dan bermakna buat semua pengunjung."

"Secara tidak langsung, berkunjung ke pameran ini memberi pendedahan yang sangat baik kerana dapat mengetahui asal usul kemodenan teknologi yang kini digunakan di seluruh dunia," katanya.

Pameran yang berlangsung di Pusat Sains Negara sehingga bulan depan itu dibuka setiap hari dari jam 9 pagi

hingga 5 petang.

Bayaran dikenakan adalah RM20 untuk dewasa, RM15 untuk kanak-kanak/pelajar (tujuh hingga 17 tahun ke atas dengan ID pelajar) dan warga emas serta RM6 untuk prasekolah (empat hingga enam tahun).

Harga pakej untuk keluarga adalah RM60 (2 dewasa + 2 kanak-kanak). Pakej berkumpulan juga disediakan. Untuk maklumat lanjut, layari [www.1001inventions.com.my](http://www.1001inventions.com.my).

JAM gajah antara ciptaan yang menjadi tarikan.



BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 9 JANUARI 2014 (KHAMIS)



## Jabatan Meteorologi Nafi Keluar Amaran Tsunami Di Sabah

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) pada Rabu menafikan telah mengeluarkan amaran bahawa Tsunami akan melanda pantai timur Sabah seperti yang tersebar di Internet.

"Jabatan Meteorologi Malaysia tidak mengeluarkan sebarang amaran Tsunami pada 8 Jan 2014 seperti yang tersebar di Internet," tegas jabatan itu dalam satu kenyataan.

Sebarang pertanyaan untuk pengesahan boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-79678066 atau 03-79678065.

-- BERNAMA

# Flood prediction tools sought

## DID looks for better forecasting methods to manage heavy rain

By LOH FOON FONG

foonfong@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Drainage and Irrigation Department (DID) will further improve its existing flood forecasting and early warning system to better manage future episodes of heavy rain.

Its Water Resources and Hydrology division director Datuk Hanapi Mohamad Noor said the department hopes to collaborate with the Malaysian Meteorological Department (MMD) and get experts to develop tools with high resolution software as well as train staff to quantify rainfall based on radar data.

Hanapi said the proposed project would develop software and a forecasting model using real time radar images of rain clouds accumulated in 24 hours in order to arrive at the

total one-day rainfall forecast.

"From the data, we can forecast one to two days ahead the water level at the downstream of bigger catchment areas such as for Sg Johor, Sg Pahang, Sg Kelantan and Sg Sarawak," he said in an interview.

For smaller catchment areas such as Sg Kelang and Sg Damansara, flooding could be forecast a few hours ahead, he added.

Hanapi was asked if the DID could have predicted the severe floods that hit Terengganu, Pahang, Kelantan, Johor, Sabah and Sarawak last month, which resulted in nearly 90,000 people needing evacuation besides millions of ringgit in damage.

Hanapi said the DID currently did not have the expertise for detailed forecasts, while MMD could forecast rain only in general terms, such as under its current colour coded (yel-

low, orange or red) weather warning system, but could not quantify the amount of rainfall before it rains.

The present forecasting system was based on input from the DID's telemetry stations that measure water levels, but this gives little time for warning and evacuation.

Hanapi said the DID would be asking for an allocation amounting to RM2mil from the Government for the project.

Hanapi said that on Dec 3, Kemaman in Terengganu received 777mm of rainfall, and Kuantan in Pahang 541mm, both the highest rainfall ever recorded in those towns since the 1970s.

At the Jabur station of Kemaman, the highest amount of daily rainfall before this was 607mm, which occurred on Feb 13, 2001.

For Kuantan, the highest amount of rain per day before this was

256mm, which occurred on Dec 11, 2004.

"This is extraordinary," said Hanapi, who added that flood mitigation projects such as the construction of bunds for Sg Kisap, Kuantan, completed in 2010, was meant to cater for rainfall intensity of 380mm per day.

Hanapi acknowledged that the DID and other relevant authorities also needed to improve on the dissemination of flood warnings.

He believed that many could have missed the warnings as they might not have access to the Internet, television or short message services.

In Kuantan, for instance, electricity was cut off for a few days after dozens of Tenaga Nasional's substations there were inundated. In total, more than 1,000 substations nationwide were damaged by flooding last December.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (MAHKAMAH & JENAYAH) : MUKA SURAT 49**  
**TARIKH: 09 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

## **Kastam rampas 5,208 botol arak**

**PULAU INDAH-** Kastam Selangor menyerbu sebuah premis di Taman Cheras Utama, Kuala Lumpur, Khamis lalu yang dijadikan tempat mengilang, menyimpan dan mengedar minuman keras hingga membawa kepada penemuan sebuah terowong rahsia berhubung kes berkenaan.

Pengarah JKDM Selangor, Badaruddin Mohamed Rafik berkata, hasil serbuan itu, pihaknya merampas 5,208 botol minuman keras pelbagai jenama bernilai RM73,735.

"Terowong rahsia berkenaan menghubungkan premis itu ke sebuah lagi premis yang terletak bersebelahan. Premis itu dipercayai digunakan sebagai kilang memproses minuman keras tanpa lesen yang sah," katanya ketika sidang

media di Wisma Kastam Selangor di Pelabuhan Barat, semalam.

Menurutnya, pihaknya menyerbu premis berkenaan kira-kira jam 3 petang selepas mendapat maklumat mengenai kegiatan mereka hasil maklumat orang awam dan risikan Kastam.

Badaruddin berkata, semua minuman keras itu dijual untuk pasaran tempatan dengan anggaran cukai bernilai RM214,720 dan pihaknya masih menunggu keputusan **Jabatan Kimia** untuk menentukan sama ada minuman keras tersebut asli atau tiruan.

Katanya, dalam serbuan itu, pihaknya merampas beberapa mesin dipercayai untuk aktiviti pengilangan minuman keras dan menahan tiga lelaki warga Myanmar.